

PASUKAN UniMAP MENDAPAT TEMPAT KE-3 DALAM KARNIVAL LIGA HOKI DIVISYEN 2 MASUM

Pada 13 hingga 20 Mei 2009 pasukan hoki UniMAP telah menyertai Karnival Hoki MASUM yang berlangsung di UIAM selaku tuan rumah pada kali ini. Sebanyak 9 pasukan telah mengambil bahagian pada kali ini yang terdiri dari pasukan UniMAP, UtHM, UPNM, UMT, UDM, UKM, UUM, UMP dan tuan

rumah UIAM untuk divisyen 2. Perlawanan yang berlangsung di Desoturf UIAM telah bermula dengan perlawanan pertama UniMAP dengan menentang UIAM yang berkesudahan seri 0-0, UniMAP telah melangkah ke perlawanan kedua dengan baik iaitu menang setelah bertemu pasukan dengan pasukan UUM jaringan 4-0, perlawanan ketiga seri dengan UMT 0-0 dan menang dengan UMP 2-1.

UniMAP telah berjaya melangkah ke peringkat separuh akhir yang bertemu dengan pasukan UPNM yang mulanya terikat 1-1 hingga akhir perlawanan dan dibawa ke penentuan penalti dan akhirnya tewas dengan jaringan penalti secara tipis iaitu 5-4. Namun Pasukan Hoki UniMAP telah berjaya menduduki tempat ketiga di dalam kejohanan kali ini. Tahniah buat pasukan Hoki UniMAP kerana telah menunjukkan prestasi yang bagus dan diharap akan dapat meningkatkan lagi prestasi pasukan di tahun hadapan.

KUMPULAN A

PASUKAN	P	M	S	K	J	B	M
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	3	3	0	0	6	1	9
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	3	1	1	1	4	2	4
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	3	0	2	1	2	3	2
Universiti Darul Iman (UDM)	3	0	1	2	2	6	1

KUMPULAN B

PASUKAN	P	M	S	K	J	B	M
Universiti Islam Antabangsa Malaysia (UIAM)	4	2	2	0	8	3	8
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	4	2	2	0	6	1	8
Universiti Utara Malaysia (UUM)	4	1	1	2	5	11	4
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	4	1	1	2	6	7	3
Universiti Malaysia Pahang (UMP)	4	1	0	3	6	8	3